

**Kerajaan perlu tubuh panel khas kaji semula sejarah negara**  
**The Malaysian Insider**  
**14 September , 2011**  
**Oleh Syed Mu'az Syed Putra**

KUALA LUMPUR, 14 Sept — Datuk Mahfuz Omar hari ini mencadangkan Putrajaya agar menubuhkan satu panel khas untuk mengkaji semula sejarah negara terutamanya isu penjajahan dan kemerdekaan yang mendapat pertikaian sejak kebelakangan ini.

Isu kemerdekaan negara muncul ekoran kenyataan Majlis Profesor Negara (MPN) bahawa negara ini tidak pernah dijajah British serta diikuti beberapa kenyataan yang dikeluarkan pakar sejarah dan terbaru bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kelmarin Dr Mahathir mengakui bahawa Malaysia tidak pernah dijajah oleh British tetapi menegaskan, penasihat-penasihat mereka telah bertindak seolah-olah pihak itu adalah pemerintah yang sebenar berbanding Raja-raja Melayu.

Beliau berkata British telah bertindak seolah-olah "kita dijajah."

Menurut Mahfuz, ekoran terlalu banyak fakta sejarah yang tidak tepat amat wajar untuk kerajaan menubuhkan satu panel khas untuk mengkaji semula sejarah negara.

"Kini timbul satu perdebatan tentang sejarah dalam negara kita sehingga membawa perbincangan yang berkaitan sejarah negara, apa yang dilihat kesimpulannya daripada perbincangan pelbagai pihak MPN, Tun Mahathir, ahli politik dan ramai lagi membuktikan memang ada masalah dengan sejarah negara dari segi ketepatan fakta sejarah negara kita.

"Ia lebih baik kalau kerajaan wujud satu panel khas sejarah, jawatankuasa ini perlu bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang mana ia boleh disertai pakar sejarah dan mereka-mereka yang mempunyai maklumat tentang sejarah negara termasuk ahli politik," katanya pada sidang media di sini.

Kata Ahli Parlimen Pokok Sena ini, panel khas ini perlu diberikan tempoh untuk mengkaji semula sejarah secara terperinci sebelum diumumkan kepada rakyat.

"Tapi ia perlu dipercepatkan kerana kita tidak mahu lebih banyak kekeliruan yang timbul nanti," katanya.

Mahfuz juga bersetuju dengan langkah Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohd Khaled Nordin yang mahu silabus subjek sejarah peringkat sekolah akan dikaji semula selepas didapati beberapa fakta sebelum ini tidak lengkap dan terdapat percanggahan fakta mengenainya hasil kajian ahli falsafah dan teologi negara Tan Sri Prof Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam buku terbarunya 'Historical fact and fiction'.

Sehubungan itu, Khaled mahu satu kajian mendalam mengenainya diadakan fakulti sejarah.

Khaled berkata, Syed Naquib dalam kajiannya mewujudkan beberapa persoalan kemungkinan beberapa sejarah penting tidak dicatatkan sebelum pemerintahan Melaka dan kemungkinan beberapa fakta juga adalah berat sebelah.

"Kalau kita lihat kenyataan menteri pengajian tinggi yang mengarahkan pakar sejarah

universiti untuk mengkaji semula sejarah kedatangan Islam sebab terdapat banyak fakta sejarah yang tidak dimasukkan, apa yang berlaku ini macam penggelapan sejarah kedatangan Islam, apakah lagi sejarah negara kita.,

"Menurut Khaled, hanya sebahagian sahaja yang ditulis, ini bermakna buku sejarah yang ditulis di negara kita yang berasaskan daripada Barat juga tidak lengkap, ini menunjukkan bahawa ada masalah dan kita perlu lihat kembali sejarah," kata Mahfuz.

Menurut Mahfuz, beliau tidak menyokong pendirian MPN namun percanggahan pendapat yang dikeluarkan sebelum ini perlu diperjelaskan dengan segera.

"Saya tidak menampelak MPN tapi bagi saya kenyataan yang dibuat itu menunjukkan bahawa kita harus ada sikap terbuka untuk melihat kembali sejarah, saya tidak kata benar (apa yang dikatakan MPN) tapi mungkin mereka ada fakta tertentu yang memperkukuhkan hujah mereka bahawa Malaysia tidak pernah dijajah.

"Sebab itu panel khas perlu ditubuhkan, bukan sahaja Profesor Datuk Dr Zainal Kling dan Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim tapi sesiapa sahaja yang mempunyai maklumat yang berbeza dari penulisan sejarah," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kerajaan-perlu-tubuh-panel-khas-kaji-semula-sejarah-negara/>